



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Kegagalan mematuhi peraturan tanda harga di bawah Akta Kawalan
Harga, Penggal 142 kerap didapati di sepanjang bulan Julai 2023**

Tarikh: 16 Ogos 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan dua kompaun kepada dua buah premis perniagaan atas ketidakpatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, di sepanjang bulan Julai 2023.
2. Hasil daripada penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 yang dijalankan secara rutin oleh JPES dan berikutan aduan pengguna yang diterima oleh JPES melalui saluran rasmi telah mendapati dua buah premis perniagaan melakukan kesalahan berulang seperti keterangan di bawah:

Bil.	Nama syarikat	Kesalahan	Tindakan (Kompaun)
1	Mimian Enterprise, Kg Selayun	Bab 3B: Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga	\$500.00
2	Jaya Hypermart Sdn Bhd, Gadong	Bab 5: Tidak mempamerkan harga pada mana-mana barangan dan/atau memaparkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem pembayaran	\$700.00

3. Di samping itu, sebanyak tiga belas Notis Amaran telah dikeluarkan kepada sebelas buah premis perniagaan di sepanjang bulan Julai 2023 dengan majoriti kesalahan adalah ketidakpatuhan terhadap peraturan tanda harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 seperti gagal mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dan mempamerkan tanda harga yang mengelirukan iaitu tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem pembayaran.
4. Para peniaga sentiasa diingatkan untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dengan melaksanakan amalan perniagaan yang beretika seperti tidak menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan memastikan barangan yang dijual dibubuh tanda harga dengan jelas.
5. Dalam pada itu, orang ramai selaku pengguna disarankan untuk terus memainkan peranan dalam mendisiplinkan para peniaga untuk mempraktikkan perniagaan yang beretika, dengan melaksanakan pembelian secara berhemah dan bertanggungjawab seperti membuat perbandingan harga barangan terlebih dahulu bagi mendapatkan nilai pembelian yang terbaik.
6. Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 atau membuat aduan rasmi mengenai kesalahan di bawah Akta berkenaan, orang ramai boleh menggunakan aplikasi mudah alih PenggunaBijak yang dimuat turun melalui platform *App Store* dan *Google Play*. Aduan juga boleh disalurkan dengan menghubungi Talian Darussalam 123 atau e-mel kepada aduanpengguna@jpes.gov.bn. Sebarang aduan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti.

*Siaran media ini disertakan bersama poster bertajuk “Tanda Harga”

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi